



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/B/0059
Tarikh : 13 November 2014

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BILANGAN 16 TAHUN 2014

PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN HARTA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Unit Integriti pada 31/10/2014 telah menyentuh berkenaan perkara di atas melalui emel yang bertajuk 'Detik Integriti: Pemilikan dan Perisytiharan Harta dan seterusnya menyarankan kepada semua anggota LGM yang belum membuat perisytiharan harta agar segera melaksanakannya.

3. Untuk makluman, perisytiharan harta perlu dilaksanakan melalui HRMIS. Namun begitu memandangkan pada masa ini sistem HRMIS sedang dalam proses pengemaskinian, maka perisytiharan harta perlu dilaksanakan secara manual.

4. Bersama ini dilampirkan borang-borang perisytiharan harta yang berkaitan sepertimana yang dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002:-

- i) Sekiranya dalam tempoh perisytiharan harta tuan/puan tidak memperolehi apa-apa harta tambah atau tidak melupuskan apa-apa harta, maka tuan/puan dikehendaki mengisi borang seperti di Lampiran 'A'
- ii) Bagi perisytiharan harta kali pertama dan memperolehi harta tambahan, maka tuan/puan dikehendaki mengisi borang seperti di Lampiran 'B'
- iii) Sekiranya tuan/puan ada membuat apa-apa pelupusan harta dalam tempoh perisytiharan harta yang terakhir, maka tuan/puan dikehendaki mengisi borang seperti di Lampiran C
- iv) Sekiranya tuan/puan ada memiliki syarikat atau perniagaan persendirian, maka tuan/puan dikehendaki mengisi borang seperti di Lampiran D
- v) Sekiranya tuan/puan ingin membuat permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk memohon dan memiliki tanah kerajaan/saham, maka tuan/puan dikehendaki mengisi borang seperti di Lampiran G

5. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Unit Pengurusan Sumber Manusia sebelum 31 Disember 2014.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)

s.k Ybhg Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah-pengarah Bahagian